



TEKS UCAPAN
(YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA)

**MAJLIS MYANGKASA AMANAH
BERHAD (MAAB)
UNTUK PENYERAHAN SUMBANGAN &
INFAQ BAGI
HARTA PUSAKA HASSAN BIN JOHAN,
SIMATI**

26 JULAI 2022

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

DAN SALAM SEJAHTERA

[SALUTATION VVIP, VIP]

[SALUTATION LAIN]

TUAN-TUAN, PUAN-PUAN YANG SAYA
HORMATI SEKALIAN.

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN
MEMANJATKAN KESYUKURAN
KEHADRAT ALLAH SWT DAN
MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI
PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH DI
ATAS KESUDIAN TUAN-TUAN, PUAN-

PUAN DAN SEMUA AHLI WARIS YANG HADIR PADA PAGI INI SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN & INFAQ BAGI HARTA PUSAKA ALLAHYARHAM HASSAN BIN JOHAN.

TERIMA KASIH KEPADA MAAB SEBAGAI PENTADBIR HARTA KEPADA HARTA PUSAKA ALLAHYARHAM HASSAN BIN

JOHAN KERANA TELAH BERJAYA
MENYELESAIKAN PROSES PENTADBIRAN
HARTA PUSAKA ARWAH DAN SEMOGA
SEGALA TANGGUNGJAWAB ARWAH
SEMASA HIDUP TELAH DISELESAIKAN
SEPENUHNYA.

SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN
SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN

JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK WARIS KERANA TELAH MENGAMBIL PERANAN YANG MULIA DI SISI AGAMA DI DALAM KESEPAKATAN UNTUK MEMBERIKAN SUMBANGAN & MENGINFAQKAN SEBAHAGIAN HARTA PUSAKA ALLAHYARHAM KEPADA MASJID, SURAU, SEKOLAH, TAHFIZ &

INDIVIDU-INDIVIDU
MEMERLUKAN.

YANG

SAYA MENGHARAPKAN LEBIH RAMAI
LAGI DI KALANGAN MASYARAKAT KITA
HARI INI DAPAT MELAKUKAN PERKARA
YANG SAMA SUPAYA IA MENJADI
SEBAGAI BEKALAN PAHALA KEPADA

SIMATI YANG TELAH PERGI
MENINGGALKAN KITA.

DISAMPING KITA BERCEKITA KEPADA
YANG TELAH PERGI MENINGGALKAN
KITA, SAYA JUGA INGIN
MENGINGATKAN KEPADA DIRI SAYA
SENDIRI DAN SEMUA YANG HADIR,
SEBOLEHNYA KITA YANG MASIH HIDUP

INI LAKUKANLAH PERKARA YANG SAMA
UNTUK MENGINFAQKAN SEBAHAGIAN
DARI APA YANG KITA ADA SAMA ADA
HARTA BENDA, WANG RINGGIT,
KEPAKARAN, TENAGA DAN
SEBAGAINYA. KERANA KITA TIDAK TAHU
BILA KITA AKAN PERGI MENINGGALKAN
DUNIA INI. SEMENTARA DIBERI RUANG
DAN WAKTU INI MARILAH KITA

BERSAMA-SAMA MENYUMBANG APA YANG KITA MAMPU. NAMUN SAYA JUGA INGIN INGATKAN, DALAM KITA MEMBERI SUMBANGAN INFAQ TERSEBUT PERLULAH JUGA KITA BERHATI-HATI DAN MENELITI LATAR BELAKANG PENERIMA TERSEBUT, KERANA KADANGKALA ADA KUMPULAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB ATAU PUN

SCAMMER INI MENGGUNAKAN NAMA PERTUBUHAN ATAU SEKOLAH UNTUK MENGUTIP DANA.

SEPERTIMANA RIWAYAT MUSLIM IAITU "JIKA SEORANG MANUSIA MENINGGAL, MAKA TERPUTUSLAH SEMUA AMALNYA KECUALI TIGA PERKARA. YAITU SEDEKAH JARIYAH, ILMU YANG BERMANFAAT,

SERTA ANAK YANG SOLEH YANG SELALU MENDOAKAN ORANG TUANYA" (HR. MUSLIM)

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

KESEMPATAN INI JUGA SAYA INGIN BERKONGSI BAHAWASANYA KITA DI ANGKASA JUGA, KITA ADA UNIT INFAQ

LIL WAQF, YAYASAN INFAQ ANGKASA DAN YAYASAN ANGKASA. SEMUA UNIT INI MENGALU-ALUKAN SUMBANGAN ORANG RAMAI BAGI MEMBANTU GOLONGAN ASNAF. SAYA DI FAHAMKAN JUGA, PADA HARI INI SALAH SATU PENERIMA SUMBANGAN INFAQ DARIPADA HARTA PUSAKA ALLAHYARHAM ADALAH YAYASAN

INFAQ ANGKASA. TERIMA KASIH SAYA
UCAPKAN KEPADA AHLI WARIS ATAS
SUMBANGAN TERSEBUT DAN SAYA
DOAKAN SEMOGA ROH
ALLAHYARHAM DITEMPATKAN
BERSAMA ORANG BERIMAN DAN AMAL
SOLEH SERTA DIMASUKKAN KE DALAM
SYURGA FIRDAUS TANPA HISAB. AMIIN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

SAYA DIMAKLUMKAN SEHINGGA KINI MYANGKASA AMANAH BERHAD (MAAB) TELAH MEGURUSKAN SEBANYAK 637 FAIL BAGI PENTADBIRAN HARTA PUSAKA YANG DIANGGARKAN BERNILAI 320 JUTA. INI MERUPAKAN PENINGKATAN YANG SANGAT BAIK

KERANA PADA MULA AWAL
PENUBUHAN MAAB DAHULU, PADA
TAHUN 2014 HANYA 18 FAIL
PENTADBIRAN SAHAJA YANG BERJAYA
DIURUSKAN. SAYA LIHAT INI
PENCAPAIAN YANG AMAT BAIK BAGI
MAAB KHUSUSNYA DAN ANGKASA
AMNYA. KEPERCAYAAN MASYARAKAT
KEPADA MAAB SUDAH MULAI DILIHAT

DAN DIKENALI OLEH MASYARAKAT LUAR. SEMOGA DENGAN KEPERCAYAAN YANG ADA PIHAK MAAB DAPAT MEMBERIKAN KOMITMEN DAN PENTADBIRAN YANG LEBIH BAIK KEPADA AHLI WARIS DI DALAM MENGURUSKAN HARTA PUSAKA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

SAYA TIDAK BERHASRAT UNTUK BERCAKAP PANJANG LAGI KERANA SELEPAS INI SAYA DIMAKLUMKAN KITA ADA PENYAMPAIAN SUMBANGAN & INFAQ BAGI HARTA PUSAKA ALLAHYARHAM KEPADA MASJID, SURAU, SEKOLAH, TAHFIZ & INDIVIDU-

INDIVIDU YANG TERPILIH. TAHNIAH DAN SYABAS SAYA UCAPKAN KEPADA AHLI WARIS. PROGRAM SEUMPAMA INI DIHARAPKAN LEBIH BANYAK LAGI DAPAT DILAKSANAKAN BAGI BERKONGSI REZEKI DENGAN MASYARAKAT LUAR.

SAYA AKHIRI UCAPAN SAYA DENGAN
LAFAZ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
SEKIAN, TERIMA KASIH